

SUARA MITASA

WADAH KOMUNIKASI
WARGA AKADEMIK

*Menyatukan Aspirasi,
Memperkasa Warga*

DEWAN ACONG
TUANKU CANSELOR

**MESYUARAT EXCO
MITASA BIL. 1 SESI
2025 - 2028**

**MESYUARAT
AGUNG LUAR
BIASA 2026:
MEMPERKUKUH
PERLEMBAGAAN
MITASA**

**MITASA BERJAYA
TERBITKAN JURNAL
AKADEMIK PERTAMA!**

**PROMOSI KEAHLIAN
KESATUAN KAKITANGAN
AKADEMIK UiTM
(MITASA) SESI 2025 -
2028**

**MITASA DAN AHLI
BERPISAH TIADA**

MITASA DI MAJLIS PELANCARAN VISI, MISI, FALSAFAH DAN OBJEKTIF BAHARU UiTM

Pada 13 November 2025, telah berlangsung Majlis Pelancaran Visi, Misi, Falsafah dan Objektif Baharu Universiti Teknologi MARA (UiTM) serta Pembentangan Pelaporan Prestasi Universiti Suku Ketiga Tahun 2025 yang dianjurkan oleh Pejabat Transformasi Universiti dengan kerjasama Pejabat Komunikasi Strategik. Majlis yang berlangsung di Dewan Konsert Seri Budiman, UiTM Shah Alam ini menjadi platform penting dalam memperkenalkan hala tuju strategik universiti yang baharu selaras dengan aspirasi memperkukuh kecemerlangan UiTM di peringkat nasional dan antarabangsa.

Turut hadir memeriahkan majlis ialah **Presiden Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MITASA), Encik Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli**, sebagai tanda sokongan terhadap usaha universiti memperkasa tadbir urus, budaya kerja serta kecemerlangan organisasi melalui pemerkasaan visi dan misi yang lebih dinamik.

Dalam majlis tersebut, **YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Mohd Khamil bin Jamil, Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM**, telah menyampaikan Poster Rasmi Visi, Misi, Falsafah dan Objektif Baharu UiTM kepada **Encik Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli** sebagai simbol komitmen bersama dalam menghayati dan merealisasikan aspirasi baharu universiti. Penyerahan tersebut turut mencerminkan pengiktirafan terhadap peranan kesatuan sebagai rakan strategik universiti dalam menyokong pelaksanaan agenda transformasi serta memperkukuh budaya kerja yang progresif dan inklusif.

MITASA komited untuk terus bekerjasama dengan pihak pengurusan universiti dalam menyokong segala inisiatif yang dapat memperkasakan kebajikan warga akademik serta menyumbang ke arah pencapaian visi dan misi UiTM sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang unggul dan berimpak tinggi.



**“It’s the
U and I
in UNION
that makes
us
STRONG”**

DEWAN ACONG
TUANKU CANSELOR